

WARGA UNISSA DALAMI PENGHIJRAHAN RASULULLAH



REKTOR UNISSA semasa hadir pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1445 yang berlangsung di Surau Al-Syafi'i UNISSA.

bertakwa.

Justeru, memelihara Islam dengan mematuhi segala ajarannya dan menjadikannya sebagai cara hidup yang lengkap dengan berkonsepkan Melayu Islam Beraja untuk mencapai ke taraf manusia yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala merupakan kunci kejayaan, keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang telah dan sedang dinikmati oleh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Antara tujuan majlis diadakan adalah bagi memperingati peristiwa agung penghijrahan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Kota Mekah Al-Mukarramah ke Kota Madinah Al-Munawwarah di samping memberi motivasi kepada warga kerja UNISSA agar mencontohi semangat pengorbanan dan perjuangan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Turut hadir, penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan UNISSA.



■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1445 yang berlangsung di

Tazkirah Khas yang bertemakan 'Ugama Dipelihara, Negara Sejahtera' disampaikan oleh Profesor Dato' Dr. Mohd. Fakhruddin bin Abdul Mukti, Profesor dari Fakulti Usuluddin.

Surau Al-Syafi'i UNISSA, hari ini. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Atur cara majlis berkenaan dimulakan dengan bacaan mingguan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa yang dipimpin oleh Pegawai Ugama UNISSA, Pengiran Mohammad Daud bin Pengiran Matassan.

Majlis kemudian disemarakkan

dengan penyampaian Tazkirah Khas yang bertemakan 'Ugama Dipelihara, Negara Sejahtera' yang disampaikan oleh Profesor Dato' Dr. Mohd. Fakhruddin bin Abdul Mukti, Profesor dari Fakulti Usuluddin.

Antara inti pati yang dapat diambil daripada tazkirah berkenaan bahawa nikmat dan kesejahteraan hanya akan wujud atas kehendak dan limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat-Nya yang beriman dan